

UTM raih RM10,000

Kuala Lumpur: Kumpulan pelajar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang menghasilkan produk 'pena penanda' daripada bahan kitar semula dinobatkan juara sekali gus membawa balik RM10,000 dalam pertandingan simulasi perniagaan peringkat kebangsaan kali ke dua, di sini semalam.

Pertandingan disertai 15 universiti dari seluruh negara membabitkan 75 pelajar mengambil bahagian dalam pertandingan diadakan selama 15 hari bermula 22 Januari hingga 5 Februari lalu di Universiti Utara Ma-

laysia (UUM).

Tempat kedua dimenangi Universiti Putra Malaysia (UPM) yang membawa pulang RM5,000 dan tempat ketiga dimenangi Universiti Utara Malaysia (UUM) (RM3,000).

Hadiah disampaikan Timbalan naib Canselor Hal Ehwal pelajar UUM Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim.

Ketua kumpulan UTM Chim Wei Wen berkata, mereka tidak menjangka terpilih sebagai juara disebabkan persaingan yang sangat sengit kumpulan lain.